

09 JUL 1998

LRT-tiket

LRT SEDIA PERKHIDMATAN PERCUMA TERHAD KE BUKIT JALIL SABTU INI

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Mereka yang mempunyai tiket percuma bagi menyaksikan perasmian Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil Sabtu ini boleh menggunakan perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) -- juga secara percuma pada hari berkenaan.

Menurut kenyataan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hari ini perkhidmatan percuma LRT untuk pemegang tiket itu bermula dari pukul 3 petang hingga 2 pagi Ahad.

Kompleks itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 9.30 malam.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Kuala Lumpur '98, Datuk Pahamin A.Rajab memberitahu persidangan media bahawa perkhidmatan percuma itu boleh didapati dari 13 stesen LRT.

Stesen-stesen itu ialah di Jalan Sultan Sulaiman, Bandaraya, Masjid Jamek, Plaza Rakyat, Hang Tuah, Pudu, Chan Sow Lin, Cheras, Salak Selatan, Bandar Tun Razak, Tasik Selatan, Sungai Besi dan Bukit Jalil.

Bagi mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan pengangkutan lain seperti bas Park May, Intrakota dan komuter ke kompleks itu, mereka perlu membayar tambang yang telah ditetapkan oleh syarikat pengangkutan berkenaan.

Kenyataan JPJ menjelaskan bahawa tiket percuma yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan itu merupakan tiket masuk ke Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil dan bukannya tiket percuma bagi pengangkutan yang disediakan kecuali LRT.

Penyelarasan pengangkutan disediakan untuk memudahkan mereka yang ingin ke sana bagi menghadiri perasmian itu.

Sementara itu, KTM Bhd akan menyediakan perkhidmatan komuter tambahan mulai pukul 12.45 malam bagi memudahkan orang ramai pulang selepas tamat majlis perasmian itu.

Menurut kenyataan KTMB, sebanyak lima perkhidmatan tambahan akan diadakan pada awal pagi 12 Julai iaitu dua perkhidmatan antara Serdang-Rawang, dua perkhidmatan antara Kuala Lumpur-Seremban dan satu perkhidmatan antara Sentul-Pelabuhan Klang.

--BERNAMA

NZ NAK